JOBNAME: No Job Name PAGE: 1 SESS: 1 OUTPUT: Mon Sep 22 13:52:11 2014

A

CIMB Bank Bhd (dahulu dikenali sebagai Bank of Commerce (M) Bhd) lwn Detimur (M) Sdn Bhd dan lain-lain

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN SIVIL NO T-02–1221–06 TAHUN 2012
ABDUL WAHAB PATAIL, ROHANA YUSUF DAN TENGKU MAIMUN HHMR
9 MEI 2014

C

Kontrak — Perjanjian — Kemungkiran — Tuntutan bagi jumlah tertunggak di bawah kemudahan-kemudahan pendahuluan — Syarat jaminan bersesama dan berasingan — Kegagalan memenuhi tuntutan — Sama ada perayu layak membuat potongan terus — Sama ada akaun pinjaman menjadi tertunggak — Sama ada jaminan bagi kemudahan boleh dibatalkan — Sama ada berlaku perjanjian pinjaman

D

E Tuntutan perayu terhadap responden-responden adalah untuk jumlah tertunggak bagi pinjaman yang diberikan oleh perayu kepada responden pertama di bawah kemudahan-kemudahan pendahuluan jangka pendek ('STA'); kemudahan jangka pendek dan kemudahan overdraf. Kemudahan-kemudahan STA adalah untuk maksud responden pertama, sebagai subkontraktor, membiayai projek membina dan menyiapkan dua blok F bangunan sekolah dan satu blok bangunan kantin. Kemudahan jangka pendek pula adalah untuk membina dan menyiapkan dua blok bangunan tambahan sekolah. Melalui surat kelulusan kemudahan STA, perayu telah mengenakan syarat jaminan secara bersesama dan berasingan oleh responden kedua dan ketiga. Terma-terma jaminan yang serupa juga dikenakan oleh perayu bagi TL G yang bertujuan membiayai sebuah projek yang melibatkan Nyior Manis Sdn Bhd sebagai kontraktor utama. Selaras dengan syarat-syarat jaminan yang dikenakan oleh perayu, responden kedua dan ketiga telah menandatangani surat jaminan dan Surat tanggung rugi dan Ensidesa telah menulis kepada perayu. Responden pertama juga mengeluarkan surat kebenaan kepada H perayu. Melalui surat-surat kepada responden pertama, kedua dan ketiga, peguamcara perayu menuntut jumlah yang tertunggak di bawah kemudahan-kemudahan yang telah diberikan kepada responden pertama. Atas kegagalan responden-responden memenuhi tuntutan tersebut, perayu memfailkan tindakan tetapi responden-responden menafikan keberhutangan I kepada perayu dan menuntut balas terhadap perayu untuk kerugian yang dialami kerana perayu dikatakan gagal mematuhi terma-terma yang dipersetujui bagi kemudahan-kemudahan tersebut. Hakim bicara membenarkan tuntutan perayu untuk jumlah tertunggak di bawah kemudahan overdraf. Tuntutan perayu di bawah STA dan TL serta tuntutan

JOBNAME: No Job Name PAGE: 2 SESS: 1 OUTPUT: Mon Sep 22 13:52:11 2014

balas responden-responden telah ditolak dengan kos. Tidak berpuas hati, perayu memfailkan rayuan ini. A

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu:

(1) Tuntutan perayu terhadap responden-responden adalah suatu yang jelas. Perayu telah memberi pinjaman kepada responden pertama dengan dijamin oleh responden kedua dan ketiga. Wujud persetujuan antara perayu dan responden pertama bahawa pembayaran balik pinjaman oleh responden pertama kepada perayu adalah secara potongan terus wang yang diterima oleh responden pertama daripada Ensidesa dan Nyior Manis, melalui akaun *escrow* masing-masing. Apabila perayu gagal membuat potongan terus, akaun pinjaman responden pertama menjadi tertunggak (lihat perenggan 13). B C

(2) Hakim bicara yang bijaksana menyatakan jaminan bagi kemudahan STA dan TL adalah *irrevocable* yang memberi gambaran bahawa persetujuan mengenai pembayaran balik jumlah pinjaman daripada akaun *escrow* tersebut tidak boleh dibatalkan. Mahkamah tidak mendapah adanya terma-terma yang memperuntukkan sedemikian dan dalam apa keadaan pun, hakim bicara khilaf dalam mengambil pendekatan tersebut oleh kerana sama ada jaminan adalah *irrevocable* atau sebaliknya bukanlah menjadi isu di sini (lihat perenggan 15). D E

(3) Berlaku kekhilafan fakta apabila hakim bicara yang bijaksana memutuskan '... Plaintif telah mungkir kontrak kerana dengan salah menolak untuk membuat bayaran di bawah 'irrevocable letters of credit' yang dibuka oleh plaintif sendiri sebagai bank pihak defendan pertama.' Ini kerana kes ini sebenarnya tidak melibatkan surat kredit (lihat perenggan 17). F

(4) Dalam keadaan jaminan untuk pembayaran melalui akaun escrow Ensidesa dan Nyior Manis tidak dapat dilaksanakan, perayu bebas untuk menuntut pembayaran balik jumlah-jumlah tertunggak daripada responden pertama sebagai peminjam dan daripada responden-responden kedua dan ketiga sebagai penjamin, sebagaimana dilakukan oleh perayu di sini. Tambahan lagi, tanggungjawab untuk memastikan pembayaran melalui akaun *escrow* Ensidesa dan Nyior Manis itu dapat dilaksanakan terletak pada responden-responden. Tanggungjawab responden-responden untuk menjelaskan bayaran-bayaran yang tertunggak di bawah pinjaman-pinjaman berkenaan tidak pada bila-bila masa dilepaskan oleh perayu. Kegagalan responden-responden menjelaskan jumlah tertunggak adalah merupakan pemecahan perjanjian pinjaman dan perjanjian jaminan masing-masing (lihat perenggan 20). G H I

JOBNAME: No Job Name PAGE: 3 SESS: 1 OUTPUT: Mon Sep 22 13:52:11 2014

[English summary

The appellant's claim against the respondents was for the amount due for the loan given by the appellant to the first respondent under the short term advance loan , term loan and overdraft facilities. The short term facility ('STA') was meant for the first respondent as a subcontractor, financing the building project and completion of two blocks of school building and one block of canteen building. The term loan facility ('TL') was for the building and completion of two additional school blocks. Under the approval letter for the STA facility, the appellant imposed the guarantee term collectively and individually for the second and third respondents. The same guarantee term was imposed by the appellant for the TL meant for the financing of the project involving Nyior Manis Sdn Bhd as the main contractor. In accordance with the guarantee terms imposed by the appellant, the second and third respondents signed the letter of guarantee and indemnity and Ensidesa had written to the appellant. The first respondent also issued the letter of authorisation to the appellant. Via the letters to the first, second and third respondents, the appellants' solicitor claimed for the amount due under the facilities granted to the first respondent. Due to the failure of the respondents to fulfil the said claim, the appellant filed an action but the respondent denied owing the appellant and counterclaimed against the appellant for losses incurred as the appellant was said to have failed to comply with the agreed terms for the said facilities. The trial judge allowed the appellant's claim for the amount due under the overdraft facility. The appellant's claim under the STA and TL and the respondents' counterclaim were dismissed with costs. Dissatisfied, the appellant filed the instant claim.

Held, allowing the appellant's appeal:

(1) The appellant's claim against the respondents was clear. The appellant had granted a loan to the first respondent guaranteed by the second and third respondents. There was an agreement between the appellants and the first respondent that repayment of the loan by the first respondent to the appellant was by way of direct deduction of the monies received by the first respondent from Ensidesa and Nyior Manis, from the respective escrow accounts. When the appellant failed to make direct deduction, the first respondent's loan account became overdue (see para 13).

(2) The trial judge held that the guarantee for the STA and TL facilities were irrevocable, giving the impression that the agreement about the repayments of the loan amount from the escrow account was irrevocable. The court did not find any terms which provided as such and in any circumstances, the trial judge erred in applying the said approach as whether or not the guarantee was irrevocable or otherwise was not an issue here (see para 15).

(3) There was an error when the trial judge held that '... Plaintif telah

JOBNAME: No Job Name PAGE: 4 SESS: 1 OUTPUT: Mon Sep 22 13:52:11 2014

mungkir kontrak kerana dengan salah menolak untuk membuat bayaran di bawah 'irrevocable letters of credit' yang dibuka oleh plaintif sendiri sebagai bank pihak defendan pertama.' This was because this case did not actually involve letters of credit (see para 17).

(4) In the event the guarantee for the payment through Ensidesa and Nyior Manis escrow account could not be carried out, the appellant was free to claim for the repayment of the amount overdua from the first respondent as a borrower and from the second and third respondents as the guarantors, as done by the appellant here. Furthermore, the responsibility to ensure the payment through the escrow accounts of Ensidesa and Nyior Manis could be carried out laid upon the respondents. The respondents' responsibility to pay the payments overdue under the relevant loans was not, at any time, charged by the appellant. The respondents' failure to pay the amount due was a breach of loan and respective guarantee agreements (see para 20).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai kemungkiran lihat, 3(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 2961.

Undang-undang yang dirujuk

Bankers' Book (Evidence) Act 1949 s 3

Rayuan daripada: Guaman Sivil No 22–17 Tahun 2008 (Mahkamah Tinggi, Kuala Terengganu)

Siti Sarah bt Mohd Fadzil (Nur Munirah bt Mustafa bersamanya) (Noorhuda & Partners) bagi pihak perayu.
Zulhasmi bin Zakaria (Termizi & Co) bagi pihak responden-responden.

Tengku Maimun HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Ini adalah rayuan plaintif ('perayu') terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak sebahagian besar tuntutannya terhadap defendan-defendan ('responden-responden'). Tuntutan perayu terhadap responden-responden adalah untuk jumlah tertunggak bagi pinjaman yang diberikan oleh perayu kepada responden pertama di bawah kemudahan-kemudahan pendahuluan jangka pendek (short term advance); kemudahan *term loan* dan kemudahan overdraf. Butir-butir jumlah yang tertunggak adalah sebagaimana diperincikan di dalam perenggan 11(i)(a) hingga (d) pindaan kepada penyata tuntutan terpinda (ms 53 & 54 RR *Jld*1A).

[2] Kemudahan-kemudahan *short term advance* ('STA') adalah untuk maksud responden pertama, sebagai sub-kontraktor, membiayai projek

JOBNAME: No Job Name PAGE: 5 SESS: 1 OUTPUT: Mon Sep 22 13:52:11 2014

membina dan menyiapkan dua blok bangunan sekolah dan satu blok bangunan kantin di Sekolah Menengah Seberang Takir, Kuala Terengganu. Kemudahan *term loan* pula adalah untuk membina dan menyiapkan dua blok bangunan tambahan Sekolah Kebangsaan Kijal, Kemaman, Terengganu. Kontraktor utama bagi projek-projek tersebut adalah masing-masing Ensidesa Sdn Bhd ('Ensidesa') dan Nyior Manis Sdn Bhd ('Nyior Manis').

[3] Melalui surat kelulusan kemudahan STA bertarikh 4 May 2000 (eksh P8), perayu telah mengenakan syarat berikut di bawah 'Security Provision and Security Documentation' iaitu jaminan secara bersesama dan berasingan oleh responden kedua dan ketiga dan dokumen-dokumen berikut:

2 Letter of authorisation from Ensidesa Sdn Bhd instructing JKR to direct all progress payments for the contract 'Membina dan Menyiapkan Sekolah Menengah Kompleks Seberang Takir, Kuala Terengganu' to Ensidesa Sdn Bhd's escrow account with us.

3 Letter of undertaking and Authorisation from Ensidesa Sdn Bhd instructing progress payments due to Detimur (M) Sdn Bhd will be credited to Detimur (M) Sdn Bhd's escrow account by debiting Ensidesa Sdn Bhd's escrow account with us.

4 Letter of Authorisation from Detimur (M) Sdn Bhd to debit their escrow account for payment of STA.

[4] Terma-terma jaminan yang serupa juga dikenakan oleh perayu bagi *term loan* yang bertujuan membiayai projek di Kijal yang melibatkan Nyior Manis Sdn Bhd sebagai kontraktor utama.

[5] Selaras dengan syarat-syarat jaminan yang dikenakan oleh perayu di atas, responden kedua dan ketiga telah menandatangani *letter of guarantee and indemnity* (eksh P5, P10, P15 & P18) dan melalui surat bertarikh 8 Mei 2000, Ensidesa telah menulis kepada perayu seperti berikut:

Project: MEMBINA DAN MENYIAPKAN DUA (2) BLOK BANGUNAN SEKOLAH DAN SATU (1) BLOK BANGUNAN KANTIN SEKOLAH MENENGAH SEBERANG TAKIR, KUALA TERENGGANU
DETIMUR (M) SDN BHD

We refer to the above.

This is to authorize the bank to credit DETIMUR (M) SDN BHD's escrow account No 1301-6001060-05-4 by debiting ENSIDESA SDN BHD's escrow account No. 1301-6001048-055 with your bank. PROVIDED that all claims submit to you must be certified and agreed by us.

[6] Responden pertama juga mengeluarkan *letter of authorisatio*n bertarikh

JOBNAME: No Job Name PAGE: 6 SESS: 1 OUTPUT: Mon Sep 22 13:52:11 2014

16 Mei 2000 kepada perayu seperti berikut: A

> Pursuant to the terms and conditions of your offer of short Term Advance (STA) dated 4th May 2000, we hereby authorise your bank to debit our escrow account No. 1301-6001060-05-4 as payment for the facilities according to the terms of the payment required. B

[7] Melalui surat bertarikh 5 November 2001 Nyior Manis Sdn Bhd memaklumkan perayu seperti berikut:

> AKAUN ESCROW ... C
>
> PROJEK MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN TAMBAHAN SEK KEB KIJAL. KEMAMAN. Terengganu
>
> Surat kami bertarikh 11hb Jun 2001 adalah dirujuk dan berkaitan.
>
> 2. Dengan ini kami membatalkan arahan kami untuk mengkreditkan semua bayaran yang diterima untuk projek di atas kepada akaun Detimur (M) Sdn Bhd ... mulai tarikh surat ini. Mulai dari tarikh surat ini juga kami membenarkan pihak tuan mengkreditkan semua bayaran daripada AKAUN ESCROW kami kepada akaun NYIOR MANIS SDN BHD ... D

[8] Melalui surat-surat kepada responden pertama, kedua dan ketiga masing-masing bertarikh 21 November 2007, peguamcara perayu menuntut jumlah yang tertunggak di bawah kemudahan-kemudahan yang telah diberikan kepada responden pertama. Di atas kegagalan responden-responden memenuhi tuntutan tersebut, perayu memfailkan tindakan di Mahkamah Tinggi. E F

[9] Di dalam penyata pembelaan pindaan, responden-responden menafikan keberhutangan kepada perayu dan menuntut balas terhadap perayu untuk kerugian yang dialami kerana perayu dikatakan gagal mematuhi terma-terma yang dipersetujui bagi kemudahan-kemudahan tersebut. G

[10] Selepas mendengar keterangan saksi-saksi, hakim bicara yang bijaksana membenarkan tuntutan perayu untuk jumlah tertunggak di bawah kemudahan overdraf. Tuntutan perayu di bawah STA dan *term loan* serta tuntutan balas responden-responden telah ditolak dengan kos. H

[11] Untuk memudahkan rujukan, kami perturunkan di sini perenggan-perengan yang berkaitan, alasan penghakiman hakim bicara yang bijaksana: I

> 7 Defendan-defendan ... berhujah bahawa Plaintif yang telah mungkir kontrak kemudahan kewangan yang diberikan kerana gagal membuat potongan terus dari akaun *escrow* Ensidesa Sdn Bhd dan Nyior Manis Sdn Bhd untuk pembayaran balik kemudahan STA dan *Term Loan*.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 7 SESS: 1 OUTPUT: Mon Sep 22 13:52:11 2014

Defendan-defendan juga berhujah bahawa Plaintif telah memungkiri kewajipan berhati-hati kerana gagal membuat pembahagian bayaran yang betul setelah mengesahkan adanya bayaran dibuat oleh pihak JKR ke dalam akaun escrow Ensidesa Sdn Bhd dan Nyior Manis Sdn Bhd. ...

8 ...

9 ...

10 ...

11 ...

12 ...

13 Pihak Ensidesa Sdn Bhd dan Nyior Manis Sdn Bhd telah memberikan surat kebenaran berhubung jaminan-jaminan yang dipersetujui antara Plaintif dan Defendan Pertama. Walaupun begitu, kebenaran Ensidesa Sdn Bhd adalah bersyarat dan Nyior Manis Sdn Bhd juga telah membatalkan arahan pengkreditan terus bayaran dari akaun *escrow* mereka ke dalam akaun Defendan Pertama sebelum kontrak tamat.

14 Saya mendapati walaupun jaminan bagi kemudahan STA dan Term Loan bersifat 'irrevocable' tetapi kebenaran bersyarat Ensidesa Sdn Bhd dan arahan pembatalan Nyior Manis Sdn Bhd telah diterima oleh Plaintif tanpa memaklumkan kepada Defendan-Defendan. Penerimaan Plaintif untuk tidak mendebitkan terus bayaran bahagian Defendan Pertama ke dalam akaun escrow mereka bagi pembayaran balik kemudahan yang diberikan menunjukkan bahawa kontrak kemudahan yang dimasuki telah dimungkiri oleh Plaintif. Saya merujuk kes *PH Grace Pte Ltd & Ors v American Express International Banking Corporation* [1987] 1 MLJ 437 di mana dalam kes ini mahkamah mendapati bahawa Plaintif telah mungkir kontrak kerana dengan salah menolak untuk membuat bayaran di bawah 'irrevocable letters of credit' yang dibuka oleh plaintif sendiri sebagai bank pihak defendan pertama.

15 Selain dari itu, SP1 sendiri mengesahkan ada bayaran yang dibuat oleh pihak JKR tetapi tidak semuanya didebitkan ke dalam akaun defendan pertama bagi membayar balik kemudahan STA kerana tidak mendapat kebenaran dari Ensidesa Sdn Bhd. ...

16 Daripada keadaan-keadaan yang berlaku di atas, saya mendapati bahawa Plaintif telah gagal untuk memastikan setiap terma di dalam kontrak kemudahan yang telah dipersetujui bersama Defendan Pertama dipatuhi. Kegagalan pihak Plaintif untuk mengambil sebarang tindakan menyebabkan kemungkiran terhadap tanggungjawab berhati-hati yang dikenakan ke atas beliau seterusnya memyebabkan Defendan-Defendan telah tidak dapat membayar balik kemudahan kewangan yang dibekalkan sebagaimana yang termaktub dalam jaminan kontrak kemudahan STA dan *Term Loan*.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 8 SESS: 1 OUTPUT: Mon Sep 22 13:52:11 2014

> Selain dari itu, saya juga mendapati bahawa Plaintif gagal membuktikan berdasarkan keterangan-keterangan yang sedia ada, Defendan-Defendan adalah pihak yang telah mungkir kontrak kemudahan semata-mata kerana gagal untuk membuat pembayaran balik kemudahan tersebut.

[12] Tidak berpuas hati dengan keputusan hakim bicara, perayu telah merayu ke Mahkamah Rayuan. Kami telah membenarkan rayuan perayu dan memasukkan penghakiman terhadap responden-responden bagi jumlah yang terhutang di bawah STA dan juga *term loan* seperti di perenggan 11(i)(a), (b) dan (c) pindaan kepada penyata tuntutan terpinda. Alasan kami adalah seperti berikut.

DAPATAN KAMI

[13] Tuntutan perayu terhadap responden-responden adalah suatu yang jelas. Perayu telah memberi pinjaman kepada responden pertama dengan dijamin oleh responden kedua dan ketiga. Wujud persetujuan di antara perayu dan responden pertama bahawa pembayaran balik pinjaman oleh responden pertama kepada perayu adalah secara potongan terus wang yang diterima oleh responden pertama daripada Ensidesa dan Nyior Manis, melalui akaun *escrow* masing-masing. Apabila perayu gagal membuat potongan terus, akaun pinjaman responden pertama menjadi tertunggak yang membawa kepada guaman sivil ini oleh perayu. Responden pertama mengatakan kegagalan perayu membuat potongan terus dari akaun-akaun *escrow* berkenaan adalah perlanggaran terma-terma persetujuan antara perayu dan responden pertama.

[14] Apa yang perlu diberi perhatian ialah persetujuan Ensidesa yang diperuntukkan di dalam surat bertarikh 4 Mei 2000 adalah tanpa syarat. Namun, walaupun Ensidesa telah memberi kebenaran kepada perayu, kebenaran itu adalah bersyarat iaitu 'all claims ... must be certified and agreed by us.' Manakala Nyior Manis pula, walaupun pada awalnya memberi kebenaran kepada perayu untuk menolak akaun escrownya dan memasukkan ke dalam akaun escrow responden pertama, kemudiannya telah menarik balik atau membatalkan kebenaran itu. Pendirian pihak perayu adalah bahawa mereka terpaksa akur dengan arahan Ensidesa dan Nyior Manis dan adalah menjadi tanggungjawab responden pertama untuk menyelesaikan soal kebenaran itu dengan Ensidesa dan Nyior Manis.

[15] Hakim bicara yang bijaksana menyatakan jaminan bagi kemudahan STA dan *term loan* adalah *irrevocable* yang memberi gambaran bahawa persetujuan mengenai pembayaran balik jumlah pinjaman daripada akaun *escrow* tersebut tidak boleh dibatalkan. Kami tidak dapati adanya terma-terma yang memperuntukkan sedemikian dan dalam apa keadaan pun, kami

JOBNAME: No Job Name PAGE: 9 SESS: 1 OUTPUT: Mon Sep 22 13:52:11 2014

berpendapat hakim bicara yang bijaksana adalah khilaf dalam mengambil pendekatan tersebut oleh kerana sama ada jaminan adalah *irrevocable* atau sebaliknya bukanlah menjadi isu di sini.

[16] Isu yang perlu diputuskan ialah sama ada responden pertama bertanggungan untuk jumlah yang dituntut perayu bagi pinjaman yang diberikan apabila potongan terus daripada akaun *escrow* yang berkenaan tidak dibuat oleh perayu. Berkaitan dengan isu ini ialah sama ada perayu boleh membuat potongan terus daripada akaun *escrow* Ensidesa dan Nyior Manis dalam keadaan di mana Ensidesa memberikan kebenaran bersyarat manakala Nyior Manis pula telah membatalkan kebenarannya.

[17] Hakim bicara yang bijaksana mendapati perayu mungkir perjanjian pinjaman kerana menerima kebenaran bersyarat daripada Ensidesa dan menerima pembatalan kebenaran daripada Nyior Manis tanpa memaklumkannya kepada responden pertama. Kami dapati tiada mana-mana terma yang menghendaki perayu memaklumkan responden pertama mengenai tindakannya mematuhi arahan Ensidesa dan Nyior Manis masing-masing berhubung pengenaan syarat dan pembatalan pembayaran daripada akaun escrow.

[18] Kami juga dapati bahawa berlaku kekhilafan fakta apabila hakim bicara yang bijaksana memutuskan '... Plaintif telah mungkir kontrak kerana dengan salah menolak untuk membuat bayaran di bawah 'irrevocable letters of credit' yang dibuka oleh plaintif sendiri sebagai bank pihak defendan pertama.' Ini kerana kes ini sebenarnya tidak melibatkan *letters of credit*.

[19] Berdasarkan perjanjian di antara perayu dan responden pertama, surat kebenaran untuk potongan dari akaun *escrow* Ensidesa yang dikehendaki oleh perayu adalah tanpa syarat. Ensidesa memberikan kebenaran dengan mengenakan syarat iaitu perayu perlu mendapat kebenaran daripada Ensidesa bagi setiap potongan dari akaun *escrow* Ensidesa untuk membayar balik pinjaman responden pertama. Apabila Ensidesa mengenakan syarat tersebut, kebenaran yang diberikan tidak memenuhi dan tidak selaras dengan syarat jaminan yang dinyatakan di dalam surat perayu bertarikh 4 Mei 2000.

[20] Dalam keadaan jaminan untuk pembayaran melalui akaun escrow Ensidesa dan Nyior Manis tidak dapat dilaksanakan, kami berpendapat perayu adalah bebas untuk menuntut pembayaran balik jumlah-jumlah tertunggak daripada responden pertama sebagai peminjam dan daripada responden-responden kedua dan ketiga sebagai penjamin, sebagaimana dilakukan oleh perayu di sini. Lagi pun tanggungjawab untuk memastikan pembayaran melalui akaun escrow Ensidesa dan Nyior Manis itu dapat dilaksanakan adalah terletak kepada responden-responden. Tanggungjawab

JOBNAME: No Job Name PAGE: 10 SESS: 1 OUTPUT: Mon Sep 22 13:52:11 2014

responden-responden untuk menjelaskan bayaran-bayaran yang tertunggak di bawah pinjaman-pinjaman berkenaan tidak pada bila-bila masa gugur atau dilepaskan oleh perayu. Kegagalan responden-responden menjelaskan jumlah tertunggak adalah merupakan pemecahan perjanjian pinjaman dan perjanjian jaminan masing-masing.

[21] Untuk membuktikan jumlah yang dituntut di bawah kemudahan STA dan juga *Term Loan*, perayu telah mengemukakan penyata-penyata akaun yang berkaitan (eksh P19 hingga eksh P22). Kami dapati tuntutan perayu adalah teratur bersandarkan kepada dokumen-dokumen yang ada (lihat s 3 Bankers' Book (Evidence) Act 1949).

[22] Memandangkan yang tersebut di atas, kami membenarkan rayuan perayu dengan kos sebanyak RM10,000 dan memasukkan penghakiman terhadap responden-responden seperti yang dinyatakan terdahulu. Deposit dikembalikan kepada perayu.

Rayuan perayu dibenarkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor